

21/10/1997

RSC-AP tunjuk kematangan wanita

Rosmin Darus

PERSIDANGAN Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia Pasifik (RSC-AP) yang berakhir, Khamis lalu menampakkan kematangan wanita dalam menangani isu sosial.

Tiada lagi isu klise yang memperlihatkan wanita sebagai 'peminta sedekah' tetapi memberi tumpuan kepada program lebih memanfaatkan golongan sasaran - wanita miskin luar bandar dan kepulauan berbekalkan program kewangan mikro.

Matlamat RSC-AP ialah mengeluarkan 70 wanita miskin luar bandar daripada belunggu kemiskinan mutlak menjelang 2005. Bukan sebagai pelaksana tetapi sebagai kumpulan penasihat kepada kerajaan masing-masing untuk melaksanakan program pembasmian kemiskinan lebih berkesan bagi mencapai matlamat itu.

Anggota RSC-AP ialah Pengerusi, Malaysia; Naib Pengerusi, Iran dan Tonga; Ahli: Maldives, Azerbaijan, Uzbekistan, Kazakhstan, India, Pakistan, Indonesia, Filipina, Vietnam, China, Papua New Guinea dan Australia.

Jika mahu menilai daripada persidangan yang baru lalu, berdasarkan komitmen dan kesungguhan negara anggota, impian itu tidak mustahil. Komitmen negara dalam hal ini juga boleh disanjung berdasarkan pujian yang diberikan kepada wanita pertama Malaysia, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang mempengerusikan RSC-AP.

Malah, beliau sebulat suara dilantik semula untuk mempengerusikan jawatankuasa terbabit bagi tempoh tiga tahun lagi 1998-2001.

Kewibawaan wanita pertama Malaysia itu begitu menyerlah sebagai pengerusi, menjawab dan menepis soalan dalam mesyuarat empat hari untuk membincangkan peningkatan kesedaran dan komitmen terhadap program kewangan mikro sebagai alat berkesan mengatasi kemiskinan luar bandar dan kepulauan.

Juga mendengar laporan negara anggota jawatankuasa mengenai komitmen kerajaan masing-masing dalam menggembleng sumber manusia, kepakaran teknikal bagi memperkukuh, mempertingkatkan dan memajukan institusi kewangan mikro.

Bukan itu saja, mesyuarat empat hari itu berjalan lancar, setiap agenda menepati waktu dan semua dokumen teratur. Sekalung tahniah kepada sekretariat yang mengendalikan mesyuarat sekali gus meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai penganjur persidangan bertaraf antarabangsa.

Di mesyuarat itu dua negara lagi diterima sebagai anggota jawatankuasa iaitu Mongolia dan Kyrgyzstan. Pembentangan laporan negara anggota yang disampaikan oleh wanita pertama, utusan khas dan wakil negara dibacakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa rasmi negara masing-masing.

Semua laporan memperlihatkan komitmen kerajaan masing-masing dalam program pembasmian kemiskinan sehingga sekali lalu kedengaran tiada langsung masalah yang dihadapi oleh mana-mana negara. Walaupun, umum mengetahui sesetengah negara anggota mempunyai jutaan rakyat miskin, apatah lagi wanitanya yang masih dibelunggu kesusahan.

Laporan yang dibentangkan kebanyakan adalah terlalu umum, menceritakan aktiviti yang dijalankan tanpa sokongan data atau statistik yang mungkin menyukarkan RSC-AP untuk menilai keberkesanan program yang dilakukan di negara anggota.

Dalam konteks ini, RSC-AP sebagai badan penasihat boleh berikhtiar membantu negara terbabit mewujudkan pangkalan data pengumpulan maklumat

perihal wanita seperti tahap kesihatan, pekerjaan dan pembabitan mereka untuk memudahkan urusan penilaian.

Kalau perlu latihan diberikan kepada negara yang memerlukan asalkan pada penghujung satu pengkalan data mengenai wanita dapat diwujudkan di negara terbabit.

Ini kerana hanya laporan lengkap dengan data boleh disesuaikan dengan program pembasmian kemiskinan mengikut tahap ekonomi negara masing-masing kerana definisi miskin bagi setiap negara tentunya berbeza.

Pertukaran idea dan pengetahuan di antara negara anggota bagaimanapun memperlihatkan keberkesanannya kerana jelas anggota jawatankuasa RSC-AP saling menceritakan program masing-masing.

Semua idea itu boleh disepadukan dalam usaha mewujudkan dana bertujuan mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai aktiviti RSC-AP yang sedang dalam perancangan selepas menerima sebulat suara cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Biarpun, dalam sidang akhbar Dr Siti Hasmah memberitahu untuk mewujudkan dana itu perlu kelulusan Kabinet dan kerajaan, bagaimanapun dipercayai ia boleh menyokong segala usaha menggerak dan memperluaskan program serta pentadbiran kewangan mikro yang menyalurkan pinjaman kepada wanita miskin.

Program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang berjaya mengeluarkan ramai wanita luar bandar daripada kancas kemiskinan turut menarik perhatian ramai negara anggota sehingga beberapa wanita pertama secara terang memberitahu pendekatan itu boleh diadaptasikan ke program pembasmian kemiskinan mereka.

(END)